

# UPM Serdang johan Festival Nasyid IPT UMSKAL 2014

UB 11.11.2014 B6

LABUAN: Kumpulan Nahwan Nur dari Universiti Putra Malaysia (UPM) Serdang Selangor muncul johan Festival Nasyid Institusi Pengajian Tinggi (IPT) 2014 anjuran Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL).

Dengan kemenangan itu, kumpulan itu yang pernah menjuarai pertandingan nasyid ASEAN 2011 di USIM, Nilai Negeri Sembilan membawa pulang hadiah wang tunai RM5,000, trofi dan hadiah iringan.

Kumpulan itu diketuai Md Lokman Hakim Ismail dan Nor Afiza Md Azmi selaku Pegawai Kebudayaan UMP.

Mereka yang menyanyikan dua lagu iaitu Naratif Jiwa dan

Alpa ciptaan Addzif Shazreel pernah memenangi Festival Nasyid Pulau Pinang pada Mei lalu.

Sementara tempat ketiga

disandang Universiti Malaysia

Kumpulan itu diketuai Ketua Seksyen Seni Budaya dan Inovasi Pelajar, Adidi Tamim pernah menyertai festival itu pada 2012.

Naib johan dimenangi kumpulan Baraqah Beggers dari Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan meraih RM3,000, trofi dan hadiah iringan.

Kumpulan itu diketuai Md Lokman Hakim Ismail dan Nor Afiza Md Azmi selaku Pegawai Kebudayaan UMP.

Mereka yang menyanyikan dua lagu iaitu Naratif Jiwa dan Alpa ciptaan Addzif Shazreel pernah memenangi Festival Nasyid Pulau Pinang pada Mei lalu.

Sementara tempat ketiga

dimenangi kumpulan Nahwan

Sabah (UMS) untuk meraih RM2,000 di samping hadiah iringan dan trofi.

Kumpulan Indee Heart itu menyanyikan lagu Fikir dan Kerana Kau Ada dibimbing jurulatih Syahiran Md Shom dan diketuai Mujahid Halpa.

Lima lagi IPTA yang menyertai pertandingan dua tahun sekali itu ialah UiTM Sabah, UiTM Sarawak, Universiti Malaysia Sarawak dan Universiti Tun Hussein Onn Johor serta tuan rumah UMS Kampus Antarabangsa Labuan.

Majlis penutupan dan penyampaian hadiah disempurnakan Ketua Pegawai Eksekutif Labuan Liberty Port Management (LLPM) Dato' Sri Mohd Alias Abd Rahman, malam

Ahad lalu.

Turut hadir isteri beliau yang juga Pengarah Operasi LLPM Dato' Norsiah Abdullah, Penolong Pandaftar Bahagian Hal Ehwal Pelajar Fadzli Sarudi, Timbalan Dekan Fakulti Komputeran Informatik Dr Zamhar Izwandono Ag Ismail selaku Penyelaras Program, Pengetua Kolej Kediaman Alpha Mohammad Sar-war E-Alam dan Pengarah Program Jaafar Darma.

Program yang bertemakan Akidah Pembentukan Jati Diri Cemerlang itu diadakan selama dua hari di Dewan Sri Kedayan, Sekolah Kebangsaan (SK) Sungai Lada.


Zamhar yang mewakili Pengarah UMSKAL Prof Madya

Dr Murnizam Haji Halik mengucapkan terima kasih kepada semua IPT yang menyertai Festival Nasyid 2014 dan berharap mereka akan terus menjadikan festival itu sebagai acara wajib mereka.

Katanya, sambil menyertai Festival Nasyid IPT anjuran UMSKAL, para peserta dan pegawai juga boleh mengambil peluang melawat beberapa lokasi menarik di Wilayah Persekutuan Labuan.

"Melalui Festival Nasyid itu juga hubungan baik antara UMSKAL dengan IPT lain akan terus kekal abadi sampai bila-bila," katanya.

Sementara itu, Mohd Alias menghargai peranan yang



MOHD Alias (tiga kiri) dan Zamhar (tiga kanan) pada majlis penutupan Festival Nasyid IPT 2014.

dimainkan penganjur Festival Nasyid IPT 2014 yang berjaya mengadakan program itu sebagai salah satu pengisian yang bermanfaat kepada mahasiswa serta masyarakat setempat.

Katanya, melalui festival itu dan sesuai dengan temanya, pelajar universiti akan lebih

fokus terhadap akademik sambil meluangkan masa untuk menyertai aktiviti berfaedah termasuk nasyid yang menggungkap kebesaran Allah dan Nabi Muhammad SAW.

"Saya turut mengalau-alukan penganjuran Festival Nasyid IPT yang membabitkan IPT dari seluruh negara sekali gus membantu mempromosikan Labuan sebagai destinasi pelan-

congan yang unggul di rantau ini," katanya.

Sementara itu, Jaafar mengucapkan terima kasih kepada semua pihak termasuk jabatan dan agensi kerajaan, swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) serta penaja yang menjayakan Festival Nasyid IPT 2014.

Beliau yakin sumbangan semua pihak itu termasuk juga AJK Pelaksana dan SK Sungai Lada akan menambah keberkatan kepada penganjuran Festival Nasyid IPT lebih baik pada masa akan datang.

Festival Nasyid IPT itu dimeriahkan dengan persembahan artis Suhaimi dari Kumpulan Inteam, Ustaz Muaz, Kumpulan Al-Furqan dan Mr Bie.



SEMUA pemenang Festival Nasyid IPT 2014 merakam kenangan di Dewan Sri Kedayan SK Sungai Lada.